



Musa (dua dari kiri), serta Hassan Basri (kiri), pada **Majlis Pelancaran Buku Garizahku Buat Maharani**, di Dewan Tuanku Canselor, USIM, Nilai. [ FOTO WAN NUR AMIRAH WAN MOHAMED REDZA/BH ]

# Puisi gabung ilmu naqli, aqli

» Karya penuh falsafah dekatkan pembaca dengan Pencipta hasil usaha sama bapa, anak

Oleh **Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi**  
bhsastera@bh.com.my

**K**onsep ilmu naqli atau nas berkaitan dengan al-Quran dan hadis serta aqli atau rasional bukan hanya terkandung dalam perbincangan agama, bahkan perlu menjadi landasan dalam melahirkan karya sastera termasuk puisi Islam.

Keperluan ilmu yang benar sebagai asas kepada semua bidang termasuk sastera dapat dilihat daripada pemilihan karya yang dilancarkan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, baru-baru ini.

*Garizahku Buat Maharani* karya Adiwangsa Sukma yang diterbitkan oleh Penerbit USIM dengan kerjasama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) itu, menghimpunkan 50 puisi Islam.

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata buku setebal 104 muka surat itu menghimpunkan puisi dengan falsafah karya yang mendekatkan pembaca dengan Maha Pencipta.

## Puisi kontemporari Islam

Katanya, hasil tulisan Adiwangsa Sukma itu turut memuatkan rujukan daripada al-Quran dan hadis yang diinterpretasi dengan puisi kontemporari Islam.

"Adiwangsa Sukma ialah penulis baharu yang meletakkan cinta dan kasih sayang, kritikan sosial serta tanggungjawab antara manusia dengan Tuhan dalam

bahasa puisi yang mudah difahami.

"Lebih menarik, karya pertama yang dibukukan itu turut diselitkan ilustrasi minda lakaran anak sulungnya, Amirul Syafiq yang menjadikan terbitan itu mempunyai keunikan tersendiri," katanya pada majlis yang turut dihadiri oleh Pengarah Urusan ITBM, Mohd Khair Ngadiron dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan.

Musa berharap karya yang menggabungkan ilmu aqli dan naqli itu dapat menjadi motivasi serta contoh kepada individu lain.

“**Adiwangsa Sukma ialah penulis baharu yang meletakkan cinta dan kasih sayang, kritikan sosial serta tanggungjawab antara manusia dengan Tuhan dalam bahasa puisi yang mudah difahami**”

**Musa Ahmad,**  
Naib Canselor USIM

## Kerjasama bapa, anak

Sementara itu, Mohd Khair berkata, buku puisi seperti itu amat berbeza berbanding yang sedia ada di pasaran kerana memabitkan bapa dan anak untuk menjayakannya.

"Karya seperti ini perlu banyak diterbitkan di pasaran. Penyampaiannya baik, malah mempunyai tarikan tersendiri kerana apabila mula membaca, seakan tidak mahu berhenti," katanya.

Katanya, kerjasama yang pertama kali dijalinan dengan USIM itu diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang.

Syed Indera Syed Omar atau Siso yang diminta mengulas mengenai buku itu berkata, Adiwangsa Sukma tidak menggunakan bahasa konotatif atau puitis sehingga pembaca sukar memahami maksud yang ingin disampaikan.

Namun katanya, hanya sesekali bahasa Arab digunakan di dalam naskhah itu memandangkan persekitaran hidup penulis yang bertugas di USIM.

"Adiwangsa mula menulis tanpa mengira suasana atau tempat kerana di mana-mana saja nuraninya tersentuh untuk melahirkan ilham, beliau akan terus berkarya.

"Apabila membaca puisi ini kita akan menemui peristiwa, ilham kreatif dan hubungan dengan ayat suci serta hadis," katanya.

Adiwangsa Sukma ialah nama pena kepada Ismail Ahmed yang juga menjadi Pengarah Pusat Kebudayaan USIM.